



# PELAN TINDAKAN UNTUK MEMATUHI KEPERLUAN TANAMAN BUKAN MAKANAN



TAHAP	NOMBOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
	<b>1</b>	<b>KEBOLEHKESANAN</b>	<b>KEBOLEHKESANAN</b>	
<b>WAJIB UTAMA</b>	1.1	Hasil hendaklah boleh dikesan daripada ladang mana ia dikeluarkan.	Pembaharuan: Pastikan hasil boleh dikesan melalui pembungkusan, penyimpanan dan tempat pengumpulan hasil di ladang.	Dokumen: - No. Sijil pada pembungkus / bakul / bekas / kotak / plastik dan mematuhi GPL bagi yang berkenaan  Ladang: - Bahan pembungkusan - Tempat penyimpanan / pengumpulan hasil
	<b>2</b>	<b>PENYIMPANAN REKOD DAN AUDIT</b>	<b>PENYIMPANAN REKOD DAN AUDIT</b>	
	<b>2.1</b>	<b>Penyimpanan Rekod</b>	<b>Penyimpanan Rekod</b>	
<b>WAJIB UTAMA</b>	2.1.1	Pengusaha hendaklah menyimpan rekod dengan memasukkan semua elemen-elemen penting dan diselenggara sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh pemeriksaan atau dari tarikh pendaftaran dan disimpan untuk sekurang-kurangnya dua tahun atau mengikut keperluan undang-undang. Rekod hendaklah boleh diakses dan diaudit oleh pihak berkuasa yang berkompeteren. Semua rekod ladang hendaklah dianggap sebagai sulit.	1. Semak rekod ladang sama ada dikemaskini sekurang-kurangnya 6 bulan terkini atau sekurang-kurangnya 1 pusingan tanaman sebelum tarikh pemeriksaan. 2. Bagi pembaharuan sijil, semak rekod ladang dikemaskini dan disimpan sekurang-kurangnya 6 bulan. 3. Laksanakan audit pada rekod ladang dan sahkan. 4. Maklumat Rekod ladang adalah sulit. 5. Rekod ladang dalam bentuk softcopy/salinan resit perlu dilampirkan bersama senarai semak rekod myGAP dan perlu disahkan oleh Pembimbing dan disemak oleh auditor. 6. Resit-resit berkaitan adalah merupakan dokumen sokongan. ☐	Dokumen: Rekod Ladang  Contoh myGAP 4 dan / atau rekod sedia ada pemohon yang memenuhi keperluan elemen mengikut satu pusingan tanaman  ** Jenis Tanaman :  <b>Satu pusingan bagi tanaman jangka pendek - 3 bulan,</b>  <b>Satu pusingan bagi tanaman jangka panjang - 6 bulan contoh :</b> <b>6 bulan - kekwa, lantana camara</b>
	<b>2.2</b>	<b>Audit</b>	<b>Audit</b>	
<b>WAJIB UTAMA</b>	2.2.1	Audit hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya	Periksa laporan ketidakakuran dan tindakan pembetulan audit dalam dan tapak. (Jika berkaitan)	Dokumen: - Laporan Audit Dalam myGAP (softcopy/ hardcopy) dan pemeriksaan Tapak - Laporan Ketidakakuran Audit Dalam dan pemeriksaan Tapak dan Arahan Tindakan Pembetulan myGAP - Rekod Ladang
	<b>3</b>	<b>SEJARAH DAN PENGURUSAN TAPAK</b>		
	<b>3.1</b>	<b>Sejarah Tapak</b>	<b>Sejarah Tapak</b>	
<b>WAJIB UTAMA</b>	3.1.1	Satu sistem pengurusan rekod hendaklah diadakan untuk merekod sejarah tapak dan pelan susun atur ladang bagi mengesan jenis tanaman yang telah ditanam.	Semak 1. Maklumat Rekod Sejarah Tapak bagi tempoh 3 tahun sebelum 2. Pelan susun atur ladang	Dokumen: 1. Rekod Sejarah Tapak 2. Pelan susun atur ladang
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	3.1.2	Jika perlu, penilaian risiko hendaklah dijalankan dan didokumenkan bagi pembukaan kawasan pertanian baru dengan mengambil kira perkara berikut; a) sejarah penggunaan tanah b) potensi impak daripada pengeluaran tanaman di kawasan bersebelahan; dan c) potensi impak daripada aktiviti yang dijalankan di kawasan bersebelahan.	Semak dokumen penilaian risiko dan yang mungkin/akan berlaku dengan mengambil kira perkara berikut; a) sejarah penggunaan tanah b) potensi impak daripada pengeluaran tanaman di kawasan bersebelahan; dan c) potensi impak daripada aktiviti yang dijalankan di kawasan bersebelahan. Maklumat penilaian risiko mesti direkodkan	Dokumen: 1. Maklumat Impak Penilaian Risiko 2. Rekod Pemulihan Ladang

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
WAJIB BUKAN UTAMA	3.1.3	Lokasi ladang tidak boleh melebihi 1,000 meter dari paras laut kecuali mendapat kelulusan bagi semua syarat/peraturan yang ditetapkan oleh badan penguatkuasa yang bertanggungjawab	Semak semua dokumen yang disediakan	Dokumen: Surat kelulusan
WAJIB BUKAN UTAMA	3.1.3	Lokasi ladang tidak boleh melebihi 1,000 meter dari paras laut kecuali mendapat kelulusan bagi semua syarat/peraturan yang ditetapkan oleh badan penguatkuasa yang bertanggungjawab	Semak semua dokumen yang disediakan	Dokumen: Surat kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (Laporan EIA)
WAJIB BUKAN UTAMA	3.1.4	Ladang tidak boleh terletak pada tanah cerun yang mungkin menjejaskan alam sekitar	Pastikan lokasi ladang tidak terletak di tanah cerun ( $\geq 25^{\circ}$ ).	Ladang: Bacaan Clinometer
DIGALAKKAN	3.1.5	Risiko pencemaran biologikal atau kimia daripada penggunaan tanah terdahulu atau kawasan bersebelahan perlu dikenalpasti pada setiap kali penanaman dan punca pencemaran perlu direkodkan.	Semak rekod risiko pencemaran sekiranya ada.	Ladang: Sumber pencemaran
DIGALAKKAN	3.1.6	Jika pencemaran biologikal atau kimia pada hasil ladang telah dikenalpasti, tindakan pembetulan perlu diambil atau tidak menanam di kawasan tersebut.	Pastikan tindakan pembetulan dilaksanakan jika terdapat hasil yang tercemar.	Dokumen: Rekod Tindakan Pembetulan  Ladang : Tiada penanaman di kawasan tercemar
DIGALAKKAN	3.1.7	Jika tindakan pemulihan diambil, rekod dan pantau tindakan yang telah dilaksanakan bagi mengelakkan pencemaran berulang.	Semak aktiviti pemulihan yang dilaksanakan jika ada.	Dokumen: Rekod Tindakan Pemuliharaan  Ladang : Tindakan Pemuliharaan
DIGALAKKAN	3.1.8	Rekod lokasi yang tercemar dan tidak sesuai untuk pengeluaran hasil segar	Semak rekod lokasi yang tercemar dan tidak sesuai untuk pengeluaran	Dokumen : Rekod lokasi yang tercemar
	<b>3.2</b>	<b>Pengurusan Tapak</b>	<b>Pengurusan Tapak</b>	
WAJIB UTAMA	3.2.1	Pihak pengurusan ladang mesti membuktikan bahawa mereka mempunyai kebenaran untuk mengusahakan ladang	Periksa dan pastikan dokumen dan ladang diusahakan secara sah	Dokumen: Geran tanah/TOL Dan atau Surat Perjanjian jika tanah tersebut bukan milik sendiri/ Dokumen lain yang berkaitan
WAJIB UTAMA	3.2.2	Jika ladang terletak di kawasan tanah bercerun (pada paras yang dibenarkan) langkah-langkah pemuliharaan tanah yang sesuai mesti diambil untuk mengelak hakisan tanah dan longgokan kelodak ke dalam parit dan laluan air	Pastikan tindakan pemuliharaan dilakukan dengan betul	Ladang: Aktiviti di ladang
DIGALAKKAN	3.2.3	Satu cara pengenalpastian visual atau sistem rujukan untuk setiap ladang perlu diadakan	Periksa Pelan Blok Tanaman/Pelan Susunatur Ladang	Dokumen: Pelan blok tanaman  Ladang: Blok Tanaman/Pelan Susunatur Ladang
	<b>4</b>	<b>BAHAN TANAMAN DAN POKOK INDUK</b>	<b>BAHAN TANAMAN DAN POKOK INDUK</b>	
		<b>Pemilihan Varieti dan Pokok Induk</b>	<b>Pemilihan Varieti dan Pokok Induk</b>	
DIGALAKKAN	4.1	Pemilihan bahan tanaman atau pokok induk perlu memenuhi keperluan yang telah dipersetujui di antara pengeluar dan pelanggan. Contohnya, rasa, rupa, hayat penyimpanan, prestasi agronomi, impak alam sekitar dan pergantungan minimum kepada kimia pertanian	Periksa rekod bahan tanaman atau pokok induk yang ditanam.	Dokumen: Surat Perjanjian

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
WAJIB BUKAN UTAMA	4.2	Bahan tanaman yang berkualiti hendaklah digunakan dan dihasilkan mengikut perundangan yang berkaitan dan / atau standard kebangsaan bahan tanaman. Rekod seperti nama varieti, ketulenan, vaibility, batch number dan pembekal bahan tanaman hendaklah disimpan. Jika perlu, Sijil Kualiti bahan tanaman hendaklah diperolehi.	Periksa rekod bahan tanaman yang dipilih seperti nama varieti, ketulenan, <i>viability</i> , <i>batch number</i> , pembekal dan sijil kualiti (jika perlu) bahan tanaman.	Dokumen: -Rekod Ladang -Sijil Kualiti Bahan Tanaman
WAJIB UTAMA	4.4	Jika varieti yang dilindungi digunakan, ladang hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004.	Periksa dokumen kebenaran sekiranya pengusaha menggunakan varieti yang dilindungi di bawah Akta Varieti Baru Tumbuhan 2004.	Dokumen: Surat Kebenaran Penggunaan varieti yang dilindungi
DIGALAKKAN	4.5	Varieti yang ditanam di ladang perlu rintang atau toleran terhadap perosak utama supaya penggunaan kimia pertanian adalah minimum.	Periksa bahan tanaman yang ditanam oleh pengusaha sama ada rintang/resistan	Dokumen: Rekod Ladang
WAJIB BUKAN UTAMA	4.6	Jika bahan tanaman dirawat, justifikasi penggunaan rawatan hendaklah direkodkan. Kaedah dan bahan kimia yang digunakan hendaklah mematuhi peraturan semasa negara pengimport.	Periksa samada justifikasi rawatan bahan tanaman direkodkan, jika bahan tanaman dirawat	Dokumen; Rekod Ladang
DIGALAKKAN	4.7	Varieti yang dikenalpasti toksik jika dimakan oleh manusia tidak ditanam.	Periksa sama ada pengusaha menanam atau tidak varieti yang dikenalpasti toksik jika dimakan oleh manusia.	Dokumen; Rekod Ladang  Ladang: Varieti yang ditanam
	<b>5</b>	<b>PENGURUSAN TANAH DAN SUBSTRAT</b>	<b>PENGURUSAN TANAH DAN SUBSTRAT</b>	
	<b>5.1</b>	<b>Pemetaan Tanah</b>	<b>Pemetaan Tanah</b>	
DIGALAKKAN	5.1.1	Peta tanah perlu disediakan untuk setiap ladang supaya boleh digunakan untuk merancang tanaman giliran dan program penanaman	Periksa lakaran Blok Penanaman dan pastikan rancangan penggiliran disediakan (jika diperlukan)	Dokumen: Pelan blok tanaman  Ladang: Blok Tanaman
	<b>5.2</b>	<b>Penanaman</b>	<b>Penanaman</b>	
DIGALAKKAN	5.2.1	Amalan agronomi yang telah terbukti menambah baik atau mengekalkan struktur dan mengelak kemampatan tanah wajar diikuti	Periksa amalan agronomi pengusaha yang menambahbaik struktur dan mengelakkan kemampatan tanah seperti mengemburkan tanah, membajak secara minimum dan sungkupan	Ladang: Aktiviti di ladang
DIGALAKKAN	5.2.2	Amalan kritikal yang mempengaruhi kualiti hasil dikenalpasti pada peringkat pengeluaran, penuaian dan pengendalian lepas tuai dalam aktiviti pengeluaran tanaman.	Periksa aktiviti pengeluaran, penuaian dan pengendalian lepas tuai dalam aktiviti pengeluaran tanaman.	Dokumen: Kalendar Tanaman  Ladang; Pembungkusan, tuai waktu yang sesuai, indeks kematangan
	<b>5.3</b>	<b>Hakisan Tanah</b>	<b>Hakisan Tanah</b>	
WAJIB BUKAN UTAMA	5.3.1	Teknik penanaman di ladang yang boleh meminimumkan hakisan tanah mesti diamalkan	Periksa amalan pertanian yang boleh meminimumkan hakisan tanah	Ladang: Tiada hakisan tanah

TAHAP	NOMBOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
	<b>5.4</b>	<b>Rawatan Tanah</b>	<b>Rawatan Tanah</b>	
<b>DIGALAKKAN</b>	5.4.1	Jika rawatan tanah diperlukan untuk mengawal penyakit dan perosak bawaan tanah, Kaedah alternatif hendaklah dicari sebelum menggunakan rawatan kimia. Sekiranya rawatan menggunakan bahan kimia dijalankan perlu mengemukakan justifikasi dan direkod.	1. Periksa sama ada pengusaha menggunakan kaedah alternatif seperti tanaman giliran, penanaman tanaman pengasingan (planting of break crops), penggunaan bahan tanaman yang rintang terhadap penyakit, pembasmian kuman secara suhu tinggi atau penggunaan kuasa matahari (thermal or solar sterilization), penggunaan media pertumbuhan bebas tanah.  2. Periksa sama ada pengusaha menyediakan justifikasi jika rawatan menggunakan bahan kimia dijalankan dan direkod.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tanaman giliran, penanaman tanaman pengasingan (planting of break crops), penggunaan media pertumbuhan bebas tanah dan lain-lain.
	<b>5.5</b>	<b>Substrat</b>	<b>Substrat</b>	
<b>DIGALAKKAN</b>	5.5.1	Keutamaan perlu diberikan kepada substrat biodegradasi (mudah terurai). Pengeluar tanaman digalakkan untuk menyertai program kitar semula.	i) Periksa sama ada pengusaha menggunakan substrat biodegradasi (mudah terurai). ii) Periksa sama ada pengusaha mengitar semula substrat yang telah digunakan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Tempat membuat kompos, tempat kitar semula
<b>WAJIB UTAMA</b>	5.5.2	Jika bahan kimia digunakan bagi mensterilisasi substrat, tarikh, lokasi, jenis bahan kimia dan nama operator hendaklah direkodkan. Sterilisasi menggunakan wap (steaming) perlu diutamakan.	i) Periksa sama ada pengusaha mengutamakan teknik sterilisasi menggunakan wap (steaming) ii) Periksa sama ada pengusaha merekod aktiviti mensterilisasi substrat seperti tarikh, lokasi, jenis bahan kimia dan nama operator jika menggunakan bahan kimia.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Alat steamer
	<b>6</b>	<b>PENGURUSAN BAJA</b>	<b>PENGURUSAN BAJA</b>	
	<b>6.1</b>	<b>Keperluan Nutrien</b>	<b>Keperluan Nutrien</b>	
<b>DIGALAKKAN</b>	6.1.1	Pengurusan tanah dan tanaman berdasarkan kesesuaian jenis tanah bagi memastikan keseimbangan nutrien dan mengurangkan kehilangan nutrien.	Periksa sama ada pengusaha mengamalkan Pengurusan Tanah dan tanaman berdasarkan kesesuaian tanah tanaman /amalan terbaik yang telah dibangunkan seperti pengapuran pada tanah berasid bagi memperbaiki pH tanah.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Keadaan tanaman
<b>DIGALAKKAN</b>	6.1.2	Penggunaan baja berdasarkan keperluan tanaman dan paras nutrien dalam tanah atau substrat.	Periksa sama ada pengusaha menggunakan baja berdasarkan keperluan tanaman seperti N untuk pertumbuhan tanaman, P untuk akar dan K untuk pengeluaran bunga.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tumbesaran Pokok
	<b>6.2</b>	<b>Penggunaan Baja</b>	<b>Penggunaan Baja</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	6.2.1	Penggunaan baja berasaskan maklumat saintifik atau amalan terbaik yang telah dibangunkan.	Periksa sama ada pengusaha menggunakan baja mengikut amalan terbaik yang telah dibangunkan/mengikut maklumat saintifik seperti Pakej Teknologi Tanaman Cili Jabatan Pertanian.	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Analisis Nutrien pada tanaman 3. Pakej Amalan Teknologi Mengikut Tanaman (Jabatan Pertanian / Agensi Berkaitan) atau mengikut amalan terbaik yang telah dibangunkan  Ladang: Keadaan tanaman / situasi di ladang
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	6.2.2	Jenis, kuantiti, kaedah, masa dan kekerapan penggunaan baja perlu dipantau dengan teliti bagi memaksimumkan manfaat dan meminimumkan kerugian.	Periksa sama ada pengusaha menggunakan baja secara berhemah dengan memantau aktiviti penggunaan baja daripada segi jenis baja, kuantiti baja, kaedah pembajaan, masa dan kekerapan pembajaan untuk meminimumkan kerugian.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Keadaan tanaman / situasi di ladang

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
	<b>6.3</b>	<b>Rekod Penggunaan Baja</b>	<b>Rekod Penggunaan Baja</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	6.3.1	Penggunaan baja hendaklah direkodkan. Rekod hendaklah mengandungi maklumat berikut;  a) lokasi (blok) b) tarikh pembajaan c) pembekal baja d) jenis dan kuantiti baja yang digunakan e) kaedah pembajaan f) nama operator	Periksa rekod pembajaan pengusaha seperti lokasi (blok), tarikh pembajaan, pembekal baja, jenis dan kuantiti baja yang digunakan, kaedah pembajaan dan nama pekerja yang membaja.	Dokumen: Rekod Ladang
	<b>6.4</b>	<b>Jentera dan peralatan pembajaan</b>	<b>Jentera dan peralatan pembajaan</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	6.4.1	Jentera dan peralatan pembajaan perlu disimpan dalam keadaan yang baik dan dikalibrasi.	Periksa rekod jentera dan peralatan pembajaan.	Ladang : Tempat penyimpanan jentera dan peralatan membaja
	<b>6.5</b>	<b>Penyimpanan baja</b>	<b>Penyimpanan baja</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	6.5.1	Inventori baja hendaklah sentiasa dikemaskini dan boleh diperolehi.	Periksa tempat penyimpanan baja kimia dan baja organik beralas dan tidak terkena air seperti tempat penyimpanan tertutup / berbumbung / ditutup dengan kanvas, bersih, kering dan mempunyai pengudaraan yang baik.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan baja, cth baja yang bertutup dengan kanvas, plastik
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	6.5.2	Baja hendaklah disimpan di tempat tertutup, bersih, kering, mempunyai pengudaraan yang baik dan di atas serta tidak ada risiko pencemaran sumber air. Untuk baja organik, ia perlu disimpan dengan cara yang sesuai untuk mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar.	Periksa tempat penyimpanan baja kimia dan baja organik beralas dan tidak terkena air seperti tempat penyimpanan tertutup, bersih, kering, mempunyai pengudaraan yang baik dan di atas serta tidak ada risiko pencemaran sumber air dan alam sekitar.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan baja
<b>WAJIB UTAMA</b>	6.5.3	Baja tidak boleh disimpan bersama dengan; a) bahan tanaman b) hasil segar c) pestisid kecuali dipisahkan secara fizikal dan dilabel dengan jelas, sebaik-baiknya disimpan di bilik berasingan	Periksa kaedah penyimpanan baja oleh pengusaha samaada baja diasingkan daripada bahan tanaman, hasil segar dan racun.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan baja
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	6.5.4	Semua risiko dan bahaya kepada manusia hendaklah ditandakan dengan jelas.	Periksa tempat yang dikenalpasti berbahaya dan berisiko kepada manusia telah ditanda dengan jelas.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Papan tanda amaran bahaya
<b>WAJIB UTAMA</b>	6.5.5	Penggunaan baja yang berunsurkan najis manusia dan khinzir adalah dilarang.	Periksa samaada baja khinzir dan manusia tidak digunakan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan baja
<b>DIGALAKKAN</b>	6.5.6	Penggunaan bahan organik yang tidak diproses tidak boleh digunakan sekiranya mendatangkan risiko pencemaran kepada hasil.	Periksa penggunaan bahan organik tidak mencemarkan hasil.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan baja
<b>DIGALAKKAN</b>	6.5.7	Risiko pencemaran kimia dan biologi kesan penggunaan baja atau pembaikpulihan tanah dilakukan setiap kali penanaman dan risiko bahaya yang dikenalpasti direkodkan jika ada.	Kenalpasti risiko dan rekod bahaya pencemaran kimia dan biologi kesan penggunaan baja atau pembaikpulihan tanah dilakukan setiap kali penanaman jika ada.	Dokumen: Laporan Risiko Penilaian
<b>DIGALAKKAN</b>	6.5.8	Jika bahaya daripada penggunaan baja dan pembaikpulihan tanah telah dikenalpasti, langkah-langkah diambil untuk meminimumkan risiko pencemaran kepada hasil.	Periksa langkah yang telah diambil bagi meminimumkan risiko pencemaran terhadap hasil kesan penggunaan baja dan pembaik pulih tanah.	Dokumen: Rekod Ladang

TAHAP	NOMBOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
DIGALAKKAN	6.5.9	Jika baja organik dibeli atau diperolehi daripada luar ladang, pembekal haruslah menyediakan dokumen untuk menunjukkan bahawa baja yang dibekalkan adalah selamat dan telah dirawat untuk mengurangkan risiko pencemaran kepada hasil.	Periksa dokumen pembelian dari pembekal yang menunjukkan bahawa baja dibekalkan adalah selamat dan telah dirawat untuk mengurangkan risiko pencemaran kepada hasil.	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Dokumen Pengesahan Baja (Surat, Laporan Makmal, dll)  Ladang: Tempat penyimpanan baja.
DIGALAKKAN	6.5.10	Kawasan atau kemudahan untuk penyimpanan, membancuh dan memunggah baja & bahan pelengkap tanah serta kawasan membuat kompos dibina dan diselenggara bagi meminimumkan pencemaran terhadap kawasan pengeluaran dan sumber air jika perlu.	Periksa tempat penyimpanan, membancuh dan memunggah baja & bahan pelengkap tanah serta kawasan membuat kompos diselenggara jika perlu.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan baja
DIGALAKKAN	6.5.11	Bagi sistem pengeluaran secara hidroponik, bancuhan, penggunaan dan agihan larutan nutrient hendaklah dipantau dan direkodkan.	Periksa rekod pengusaha dan aktiviti bancuhan, penggunaan dan agihan larutan nutrient bagi sistem pengeluaran secara fertigasi	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Sistem Fertigasi
DIGALAKKAN	6.5.12	Kawasan dan kemudahan untuk pengkomposan bahan organik dibina dan diselenggara untuk mengelakkan pencemaran/jangkitan penyakit kepada tanaman.	Periksa kemudahan untuk pengkomposan bahan organik dibina dan diselenggara.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat Pembuatan kompos
	<b>7</b>	<b>PENGURUSAN AIR</b>	<b>PENGURUSAN AIR</b>	
DIGALAKKAN	7.1	Pengurusan air perlu mengikut keperluan tanaman.	Periksa rekod penggunaan air mengikut keperluan tanaman.	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Pakej Teknologi Tanaman  Ladang: Sistem Pengairan
DIGALAKKAN	7.2	Air hendaklah diperolehi daripada sumber tidak tercemar yang mampan. Apabila perlu, pengusaha adalah digalakkan mendapat nasihat mengenai sumber air dari pihak berkuasa yang berkaitan	Periksa sama ada pengusaha mengguna air yang tidak tercemar dan sumber yang mampan serta periksa dokumen berkaitan jika pengusaha ada mendapat nasihat dari pihak berkaitan.	Ladang: Sumber air
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	7.3	Berdasarkan penilaian risiko, sumber air hendaklah dianalisis untuk menentukan kandungan mikrobial, kimia dan logam pencemar. Keputusan analisis mesti memenuhi keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling dan sebarang ketidak akuratan mestilah diambil tindakan pembedahan	Ambil sampel air sekiranya kualiti air diragui	Ladang: Sumber air
<b>WAJIB UTAMA</b>	7.4	Penggunaan air kumbahan yang tidak dirawat adalah dilarang	Pastikan larangan penggunaan air kumbahan tidak dirawat dipatuhi	Ladang: Sumber air
DIGALAKKAN	7.5	Semua pengusaha tanaman haruslah menyimpan rekod aktiviti penggunaan air.	Periksa rekod aktiviti penggunaan air.	Dokumen: Rekod Ladang
DIGALAKKAN	7.6	Pengusaha haruslah mengumpul air hujan sekiranya terdapat kemudahan mengumpul contohnya saluran air pada bumbung, rumah kaca dll.	Periksa rekod aktiviti penggunaan air dan kawasan pengumpulan air hujan.	Ladang: Tempat Pengumpulan Air
DIGALAKKAN	7.7	Pertimbangan perlu diberi kepada pelan pengurusan air bagi mengoptimalkan penggunaan air, nutrien dan mengurangkan pembaziran (contohnya sistem penggunaan semula air, penyiraman pada waktu malam, menyelenggara alat bagi mengurangkan kebocoran dan mengumpul air hujan).	Periksa samaada pertimbangan pelan pengurusan air disediakan bagi mengoptimalkan penggunaan air, nutrien dan mengurangkan pembaziran (contohnya sistem penggunaan semula air, penyiraman pada waktu malam, menyelenggara alat bagi mengurangkan kebocoran dan mengumpul air hujan).	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Garis Panduan Pengurusan Air 3. Pakej Teknologi Tanaman

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
DIGALAKKAN	7.8	Sistem pengairan yang paling efisien dan menguntungkan perlu digunakan untuk memastikan penggunaan nutrien dan sumber air yang terbaik.	Periksa sistem pengairan yang digunakan adalah efisien dan menguntungkan.	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Garis Panduan Pengurusan Air 3. Pakej Teknologi Tanaman
DIGALAKKAN	7.9	Air kumbahan daripada pembersihan dan pengendalian operasi hasil diuruskan atau dirawat untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar.	Periksa aktiviti pengurusan/ perawatan air kumbahan daripada aktiviti ladang dan rumah ladang untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar seperti air basuhan hasil digunakan semula setelah dirawat (bagi kawalan serangga).	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat rawatan
	<b>8</b>	<b>PERLINDUNGAN TANAMAN</b>	<b>PERLINDUNGAN TANAMAN</b>	
	<b>8.1</b>			
WAJIB BUKAN UTAMA	8.1.1	Pengusaha hendaklah mengutamakan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Pengusaha digalakkan mendapatkan khidmat nasihat mengenai Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) dari pihak yang kompeten.	Periksa aktiviti kawalan perosak pengusaha berdasarkan kaedah Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) seperti:  1. Kaedah Kultura (Varieti rintang, sungkupan, tanaman perangkap, penarik dan penolak). 2. Kaedah Mekanikal/ Fizikal (Membungkus, Kawalan Rumpai, Perangkap Cahaya, Feromon, Rumah Kalis Serangga). 3. Kaedah Biologi (Penggunaan Serangga, Kulat, Bakteria dan Virus Bermanfaat) 4. Kaedah Kimia (Guna Racun mengikut perosak sasaran)	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Sungkupan, kepelbagaian tanaman, feromon, cuka kayu, hasil yang dibungkus, Perangkap Lampu, silvershine
WAJIB UTAMA	8.1.2	Penggunaan racun perosak untuk kawalan perosak hendaklah diminimumkan. Jika racun perosak digunakan, ia hendaklah berdaftar dengan Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Pengendalian dan penggunaan racun boleh dirujuk kepada MS 479.	Periksa racun perosak yang digunakan adalah berdaftar atau mendapat pengesyoran dari Lembaga Racun Makhluk Perosak	Dokumen: Rekod Ladang Senarai Pengesyoran  Ladang: Tempat penyimpanan
WAJIB BUKAN UTAMA	8.1.3	Racun perosak yang selektif dan bertindak secara spesifik terhadap perosak sasaran dan memberi kesan minimum ke atas populasi organisma berfaedah, hidupan akuatik, pekerja dan pengguna.	Periksa racun perosak yang dipilih mengikut kriteria berikut : 1. Selektif 2. Bertindak secara spesifik terhadap perosak sasaran 3. Memberi kesan minimum ke atas populasi organisma berfaedah, hidupan akuatik, pekerja dan pengguna.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
WAJIB BUKAN UTAMA	8.1.4	Arahan penggunaan pada label hendaklah diikuti bagi memastikan kawalan berkesan dan mengelakkan risiko kepada orang yang menyembur, pengguna dan alam sekitar	Periksa penggunaan racun perosak berdasarkan label atau berdasarkan pengesyoran dari Lembaga Racun Makhluk Perosak dan rekodkan	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
WAJIB UTAMA	8.1.5	Bagi hasil tanaman yang dieksport, pengusaha hendaklah menggunakan racun perosak yang dibenarkan oleh negara pengimport.	Periksa maklumat/ senarai racun perosak yang dibenarkan oleh negara pengimport.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
DIGALAKKAN	8.1.6	Pengusaha perlu berhubung dengan pelanggan (pengimport) untuk mendapatkan sebarang maklumat larangan tambahan.	Pastikan maklumat larangan / halangan dagangan tambahan negara pengimport jika ada.	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Maklumat tambahan
DIGALAKKAN	8.1.7	Pengusaha haruslah meminta nasihat mengenai penggunaan racun perosak dari pihak berkuasa yang kompeten	Periksa samada pengusaha telah mendapatkan bimbingan penggunaan racun perosak yang betul.	Dokumen: Rekod Ladang
DIGALAKKAN	8.1.8	Pengusaha hendaklah mengambil langkah untuk mengelakkan risiko titisan (tempias) racun perosak kepada plot pengeluaran bersebelahan (jiran). Ini termasuk antaranya adalah maklumat jenis tanaman yang ditanam di kawasan bersebelahan, penyelenggaraan peralatan semburan dan lain-lain	Periksa samada langkah pencegahan untuk mengelakkan risiko titisan (tempias) racun perosak kepada ladang bersebelahan diambil seperti menggunakan peralatan dan kaedah yang bersesuaian serta waktu / cuaca yang sesuai.	Ladang: 1. Peralatan Semburan 2. Penampakan

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
DIGALAKKAN	8.1.9	Strategi anti-rintang perlu digunapakai bagi mengelak kebergantungan kepada hanya satu jenis racun.	Periksa strategi anti-rintang yang diaplikasikan oleh petani.	Dokumen: Rekod Ladang
DIGALAKKAN	8.1.10	Pencampuran lebih daripada dua bahan kimia harus dielakkan, melainkan disyorkan oleh pihak berkuasa yang kompeten.	Periksa aktiviti penggunaan bahan kimia oleh pengusaha.	Dokumen: Rekod Ladang
DIGALAKKAN	8.1.11	Bahan kimia hanya dibeli daripada pembekal berlesen.		Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
DIGALAKKAN	8.1.12	Jika pilihan produk kawalan perosak dibuat oleh penasihat syarikat (consultancy company), bukti kecekapan teknikal penasihat haruslah diperolehi.		Dokumen: Sijil
	<b>8.2</b>	<b>Rekod Penggunaan Racun Perosak</b>	<b>Rekod Penggunaan Racun Perosak</b>	
WAJIB UTAMA	8.2.1	Kuantiti yang diperlukan dan kepekatan racun perosak yang akan digunakan untuk tanaman hendaklah dikira. Rekod penggunaan racun perosak hendaklah merangkumi perkara berikut: a) tarikh penggunaan b) nama tanaman c) lokasi (blok) dan keluasan d) nama dagangan dan bahan aktif e) justifikasi penggunaan f) kadar g) peralatan sembur yang digunakan h) nama operator i) Tempoh dilarang masuk dan larangan mengutip hasil	Periksa rekod penggunaan racun	Dokumen: Rekod Ladang
	<b>8.3</b>	<b>Keselamatan, Latihan dan Arahan</b>	<b>Keselamatan, Latihan dan Arahan</b>	
WAJIB BUKAN UTAMA	8.3.1	Operator hendaklah dilatih mengenai penggunaan racun perosak yang selamat dan betul.	Periksa samaada latihan pengendalian penggunaan racun perosak yang selamat dan betul diberi.	Dokumen: Rekod Ladang
WAJIB BUKAN UTAMA	8.3.2	Setiap kawasan yang telah disembur perlu ditanda dengan tanda amaran yang sesuai.	Periksa samaada tanda amaran bagi kawasan yang telah disembur diletakkan.	Ladang: Tanda amaran
	<b>8.4</b>	<b>Peralatan Pelindung Diri (PPE)</b>	<b>Paralatan Pelindung Diri (PPE)</b>	
WAJIB UTAMA	8.4.1	Operator hendaklah menyediakan Kelengkapan Pelindungan Diri (PPE) yang sesuai semasa mengendalikan racun perosak untuk mengelakkan bahaya dan ancaman kepada keselamatan dan kesihatan.	Periksa samaada PPE yang sesuai disediakan dan digunakan. Bagi aktiviti meracun yang disub-kan kepada kontraktor pekara ini tidak berkenaan (perlu dibuktikan dgn resit kerja), dan hendaklah dimaklumkan kepada kontraktor untuk memastikan pekerja memakai PPE.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: 1. Arahan pemakaian PPE 2. PPE yang lengkap 3. Resit/perjanjian pengusaha-kontraktor jenis dan kadar racun yang digunakan
WAJIB BUKAN UTAMA	8.4.2	Pakaian Pelindung Diri (PPE) hendaklah dibersihkan selepas digunakan dan disimpan berasingan dari racun perosak.	Periksa PPE dan tempat penyimpanan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
	<b>8.6</b>	<b>Alat Penyembur</b>	<b>Alat Penyembur</b>	
WAJIB BUKAN UTAMA	8.6.1	Alat penyembur yang diguna hendaklah sesuai dengan tanaman dan ladang serta dalam keadaan baik.	Periksa alat penyembur yang digunakan sesuai dengan tanaman dan ladang serta dalam keadaan baik.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Alat penyembur
WAJIB BUKAN UTAMA	8.6.2	Kalibrasi ( <i>calibration</i> ) peralatan penyemburan perlu dijalankan supaya kuantiti yang disembur adalah tepat	Periksa alat penyembur yang digunakan samaada sesuai dengan tanaman, ladang dan dalam keadaan baik.	
WAJIB BUKAN UTAMA	8.6.3	Air bilasan peralatan penyembur perlu disembur pada kawasan yang tidak diusahakan	Periksa aktiviti perlupusan air bilasan alatan penyemburan.	Ladang: Secara lisan/pemerhatian diladang



TAHAP	NOMBOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
	<b>8.7</b>	<b>Penyimpanan Racun Perosak</b>	<b>Penyimpanan Racun Perosak</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.2	Semua racun perosak hendaklah disimpan dalam bekas/bungkusan asal	Periksa dan pastikan racun perosak dalam bekas/ bungkusan asal.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Bekas/ bungkusan racun perosak
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.3	Hanya racun perosak yang berdaftar atau disyorkan Lembaga Racun MakhluK Perosak sahaja disimpan bagi tanaman yang ditanam di ladang tersebut disimpan di tempat penyimpanan.	Periksa dan pastikan hanya racun perosak yang berdaftar atau disyorkan oleh Lembaga Racun MakhluK Perosak sahaja disimpan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Racun Perosak
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.4	Racun perosak hendaklah disimpan di tempat yang sesuai, selamat, kalis air, cahaya yang mencukupi, pengudaraan yang baik dan berasingan dari bahan-bahan lain	Periksa dan pastikan racun perosak disimpan di tempat yang sesuai.	Ladang: Tempat penyimpanan
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.5	Tempat penyimpanan racun perosak hendaklah boleh mengawal tumpahan bagi mengelakkan pencemaran	Periksa dan pastikan pengusaha menyediakan bahan yang bersesuaian untuk mengawal tumpahan racun perosak seperti pasir, air dan habuk kayu.	Ladang: Tempat penyimpanan
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.6	Semua rak perlu diperbuat daripada bahan yang tidak menyerap (non absorbent).	Periksa samada pengusaha menggunakan rak yang diperbuat daripada bahan yang tidak menyerap (non absorbent). Sekiranya racun perosak diletakkan di atas lantai ianya hendaklah beralas dan tidak menyerap.	Ladang: Rak penyimpanan
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.7	Racun perosak jenis serbuk hendaklah disimpan di rak bahagian atas racun perosak jenis cecair atau disimpan berasingan	Periksa samada pengusaha menyimpan racun perosak jenis serbuk di rak bahagian atas dan racun perosak jenis cecair di rak bahagian bawah atau disimpan berasingan.	Ladang: Tempat penyimpanan
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.8	Fasiliti yang mencukupi untuk menyukat dan membancuh racun perosak	Periksa samada pengusaha menyediakan fasiliti yang mencukupi untuk menyukat dan membancuh racun perosak di tempat penyimpanan	Ladang: Alat penyukat dan membancuh
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.9	Tempat penyimpanan hendaklah sentiasa berkunci dan akses diberi kepada pekerja yang terlatih dalam pengendalian racun perosak	Periksa samada pengusaha mengunci tempat penyimpanan dan akses hanya diberi kepada pekerja yang terlatih dalam pengendalian racun perosak.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.10	Papan tanda amaran bahaya racun perosak hendaklah diletakkan di pintu masuk tempat penyimpanan	Periksa samada pengusaha meletakkan papan tanda amaran bahaya racun perosak di pintu masuk tempat penyimpanan	Ladang: Tanda amaran
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.11	Kemudahan kecemasan untuk menangani kemalangan dan tumpahan racun.	Periksa samada pengusaha menyediakan fasiliti kecemasan (contohnya baldi berisi pasir ) sekiranya berlaku tumpahan racun perosak.	Ladang: Fasiliti kecemasan contohnya baldi berisi pasir
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.12	Tempat penyimpanan racun perosak hendaklah mempunyai prosedur menangani kemalangan ,senarai nombor telefon agensi berkaitan yang terdekat dan boleh dihubungi semasa kecemasan.	Periksa samada terdapat 1. Prosedur menangani kemalangan 2. Senarai nombor telefon agensi berkaitan yang terdekat dan boleh dihubungi semasa kecemasan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: 1. Prosedur kemalangan 2. Senarai nombor telefon
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.7.13	Inventori racun perosak hendaklah, dikemaskini disimpan dan mudah diperolehi bila diperlukan. Rekod inventori hendaklah merangkumi perkara berikut: a) tarikh pembelian b) nama dagangan racun perosak c) bahan aktif d) nombor Pendaftaran Lembaga Racun MakhluK Perosak (LRMP No) e) kuantiti racun f) nama pembekal g) harga	Periksa inventori racun perosak yang merangkumi perkara berikut: a) tarikh pembelian b) nama dagangan racun perosak c) bahan aktif d) nombor Pendaftaran Lembaga Racun MakhluK Perosak (LRMP No) e) kuantiti racun f) nama pembekal g) harga	Dokumen: Rekod Ladang

TAHAP	NOMBOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
	<b>8.8</b>	<b>Bekas Racun Perosak Kosong</b>	<b>Bekas Racun Perosak Kosong</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.8.1	Pelupusan bekas racun perosak kosong hendaklah mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1979 atau akta/peraturan lain yang berkenaan.	Periksa cara pelupusan bekas racun perosak kosong.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat pengumpulan
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.8.2	Bekas racun perosak kosong hendaklah dibilas sekurang-kurangnya tiga kali dan air bilasan dimasukkan ke dalam alat penyembur. Bekas racun perosak kosong yang telah dibilas hendaklah ditebuk untuk mengelak penggunaan semula. Bekas racun perosak kosong hendaklah disimpan di tempat yang selamat sehingga pelupusan dijalankan	Periksa bekas racun perosak telah 1. Dibilas bekas racun perosak kosong sekurang-kurangnya tiga kali. 2. Ditebuk bekas racun perosak kosong yang telah dibilas jika perlu. 3. Disimpan bekas racun perosak kosong tersebut di tempat yang selamat sehingga pelupusan dijalankan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat pengumpulan
<b>DIGALAKKAN</b>	8.8.3	Jika pusat pengumpulan dan sistem kitar semula disediakan, ia perlu digunakan	Periksa samada pengusaha menggunakan pusat pengumpulan dan sistem kitar semula jika disediakan	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat pengumpulan
	<b>8.9</b>	<b>Racun Tamat Tempoh (Obsolete)</b>	<b>Racun Tamat Tempoh (Obsolete)</b>	
<b>DIGALAKKAN</b>	8.9.1	Racun Tamat Tempoh (Obsolete) dikenalpasti dan disimpan di tempat yang selamat sehingga dilupuskan.	Racun Tamat Tempoh (Obsolete) 1. Dikenalpasti 2. Dikumpul 3. Disimpan di tempat yang selamat sebelum dilupuskan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat pengumpulan
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	8.9.2	Semua Racun Tamat Tempoh (Obsolete) hendaklah dihantar ke pusat pelupusan sisa kimia yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.	Racun Tamat Tempoh (Obsolete) dilupus ke pusat pelupusan sisa kimia yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat pengumpulan
	<b>8.10</b>	<b>Pelupusan Bancuhan yang Berlebihan</b>	<b>Pelupusan Bancuhan yang Berlebihan</b>	
<b>DIGALAKKAN</b>	<b>8.10.1</b>	Lebihan bancuhan racun perosak perlu disembur pada kawasan tanaman yang belum dirawat, selagi tidak melebihi kadar yang disyorkan atau pada tanah yang tidak diusahakan serta direkodkan.	Periksa samada pengusaha menjalankan aktiviti menangani lebihan bancuhan racun perosak.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat pelupusan
	<b>9</b>	<b>PENUAIAN</b>	<b>PENUAIAN</b>	
<b>DIGALAKKAN</b>	9.1	Hasil perlu dituai pada peringkat yang sesuai dipasarkan.	Periksa samada pengusaha menuai hasil pada peringkat yang sesuai dipasarkan.	Dokumen: 1 .Rekod Ladang 2. Panduan Indeks Kematangan (bagi buah-buahan)
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	9.2	Pekerja hendaklah dilatih bagi memilih hasil yang berkualiti, bebas daripada tanah, perosak dan lain-lain bahan pencemar.	Periksa samada pengusaha memberi latihan kepada pekerja bagi memilih hasil yang berkualiti, bebas daripada tanah, perosak dan lain-lain bahan pencemar.	Dokumen: Rekod Ladang (sijil dilampirkan jika ada)
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	9.3	Hasil yang rosak hendaklah diasingkan dan dimusnahkan	Periksa samada hasil yang rosak diasing dan dimusnahkan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Tempat Pelupusan
<b>DIGALAKKAN</b>	9.4	Kaedah yang sesuai perlu digunakan untuk menuai.	Periksa samada kaedah menuai yang digunakan bersesuaian.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Peralatan penuaian
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	9.5	Peralatan dan bekas yang diguna semula hendaklah bersih untuk pastikan ianya bebas daripada perosak dan bahan asing yang boleh menjajaskan hasil.	Periksa samada pengusaha menggunakan peralatan dan bekas yang bersih, bebas daripada perosak dan bahan asing yang boleh menjajaskan hasil.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Peralatan penuaian
<b>WAJIB UTAMA</b>	9.6	Jika hasil dibungkus di ladang, ia tidak boleh ditinggalkan semalaman sekiranya terdapat risiko pencemaran.	Periksa samada pengusaha tidak meninggalkan hasil semalaman diladang jika terdapat risiko pencemaran.	Dokumen: Rekod Ladang

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
WAJIB BUKAN UTAMA	9.7	Prosedur kebersihan hendaklah diamalkan oleh pekerja.	Periksa samada prosedur kebersihan diamalkan oleh pengusaha.	Dokumen: Garis Panduan Kebersihan  Ladang : Kemudahan pembersihan
WAJIB BUKAN UTAMA	9.8	Arahan bertulis amalan kebersihan perlu disediakan kepada pekerja dan dipaparkan pada tempat yang kekal.	Periksa samada pengusaha menyediakan prosedur kebersihan dan dipamerkan pada tempat yang sesuai.	Dokumen: Garis Panduan Kebersihan
WAJIB BUKAN UTAMA	9.7	Prosedur kebersihan hendaklah diamalkan oleh pekerja.	Periksa samada prosedur kebersihan diamalkan oleh pengusaha/pekerja.	Dokumen: Garis Panduan Kebersihan  Ladang : Kemudahan pembersihan
WAJIB BUKAN UTAMA	9.9	Pekerja hendaklah mempunyai akses kepada kemudahan tandas yang bersih dan tempat mencuci di sekitar tempat kerja.	Periksa samada terdapat : 1) Kemudahan tandas yang bersih 2) Tempat mencuci 3) Tangki septik/takungan yang bersesuaian - Tidak dialirkan ke sumber air dan kawasan tanaman.	Ladang : 1. Tandas 2. Tempat mencuci 3. Tangki Septik/takungan yang bersesuaian
WAJIB BUKAN UTAMA	9.10	Pekerja perlu memaklumkan pihak pengurusan jika mereka dijangkiti penyakit berjangkit dan atau tidak sesuai bekerja di kawasan pengumpulan dan pembungkusan hasil.	Periksa samada pekerja yang mengendalikan hasil, sihat dan bebas daripada penyakit berjangkit.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Kawasan Pengumpulan dan Pembungkusan Hasil
DIGALAKKAN	9.11	Hasil yang telah dituai tidak diletakkan secara langsung pada tanah atau lantai di tempat pengumpulan atau pembungkusan	Periksa samada pengusaha tidak meletakkan hasil yang dituai secara langsung pada tanah atau lantai.	Ladang : Pusat pengumpulan
DIGALAKKAN	9.12	Bekas yang sesuai digunakan untuk penuaian hasil dan tidak diisi terlalu penuh.	Periksa samada pengusaha menggunakan bekas yang sesuai untuk penuaian hasil dan tidak diisi terlalu penuh.	Ladang : Bekas/ bakul penuaian
DIGALAKKAN	9.13	Alas digunakan untuk melindungi hasil jika bekas mempunyai permukaan kasar.	Periksa samada pengusaha menggunakan pengalas untuk melindungi hasil jika bekas mempunyai permukaan kasar.	Ladang : Alas
DIGALAKKAN	9.14	Bekas yang mengandungi hasil ditutup bagi mengekalkan kelembapan dan mengelakkan terdedah secara langsung kepada matahari.	Periksa samada pengusaha menutup bekas yang mengandungi hasil bagi mengekalkan kelembapan dan elakkan terdedah secara langsung kepada matahari.	Ladang : Penutup bekas
WAJIB BUKAN UTAMA	9.15	Peralatan dan bekas/bakul diperiksa supaya dalam keadaan baik dan bersih.	Periksa samada peralatan dan bekas/bakul dalam keadaan baik dan bersih.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Pusat pengumpulan
DIGALAKKAN	9.16	Penuaian dijalankan pada waktu yang paling sejuk dan jika boleh elakkan penuaian semasa hujan.	Periksa samada pengusaha menuai pada waktu yang paling sejuk dan tidak semasa hujan.	TIADA BUKTI
DIGALAKKAN	9.17	Hasil yang telah dituai dibawa keluar daripada ladang secepat mungkin.		TIADA BUKTI
DIGALAKKAN	9.18	Hasil yang telah dituai diletakkan ditempat teduh jika berlaku kelewatan penghantaran.	Periksa samada pengusaha meletakkan hasil ditempat yang teduh jika berlaku kelewatan penghantaran.	Ladang : Pusat pengumpulan
DIGALAKKAN	9.20	Hasil yang telah dibungkus dipastikan selamat semasa diangkut untuk mengurangkan kerosakan mekanikal.	Periksa samada pengusaha membungkus hasil dengan selamat semasa diangkut untuk mengurangkan kerosakan mekanikal	Ladang : Pusat pengumpulan
DIGALAKKAN	9.21	Hasil dibungkus dan disimpan di tempat yang berbumbung	Periksa samada pengusaha membungkus dan menyimpan hasil di tempat yang berbumbung.	Ladang : Pusat pengumpulan

TAHAP	NOMBOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
DIGALAKKAN	9.22	Hasil tidak diletakkan secara langsung di atas tanah atau lantai pengendalian, pembungkusan atau kawasan penyimpanan	Periksa samada pengusaha tidak meletakkan hasil secara langsung di atas tanah atau lantai pengendalian, pembungkusan atau kawasan penyimpanan	Ladang : Tempat pengumpulan dan penyimpanan
DIGALAKKAN	9.23	Hasil digred dan dibungkus mengikut permintaan pengguna atau pasaran.	Periksa samada pengusaha membungkus dan mengred hasil mengikut permintaan pengguna atau pasaran.	Ladang : Pusat pengumpulan
DIGALAKKAN	9.24	Bahan perlindungan digunakan di mana perlu untuk melindungi hasil daripada permukaan bekas yang kasar dan kehilangan kelembapan yang berlebihan.	Periksa samada pengusaha menggunakan bahan perlindungan untuk melindungi hasil daripada permukaan bekas yang kasar dan kehilangan kelembapan yang berlebihan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Bahan perlindungan
DIGALAKKAN	9.25	Haba dikeluarkan daripada hasil menggunakan kaedah penyjukan yang sesuai.	Periksa samada pengusaha menggunakan kaedah penyjukan yang sesuai dalam mengeluarkan haba	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Bahan perlindungan
DIGALAKKAN	9.26	Bekas dan bahan yang bersentuhan dengan hasil haruslah diperbuat dari bahan yang tidak mencemarkan hasil.	Periksa samada pengusaha menggunakan bekas dan bahan yang bersentuhan dengan hasil diperbuat dari bahan yang tidak mencemarkan.	Ladang : Bekas/ bahan perlindungan
DIGALAKKAN	9.27	Peralatan dan bekas harus sentiasa diselenggara untuk mengurangkan pencemaran hasil.	Periksa samada pengusaha menyelenggara peralatan	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Bekas/ peralatan
DIGALAKKAN	9.28	Bekas penyimpanan sisa, bahan kimia dan bahan lain yang berbahaya dikenalpasti dan tidak digunakan untuk meletak atau menyimpan hasil.	Periksa samada pengusaha tidak menggunakan bekas penyimpanan sisa, bahan kimia dan bahan lain yang berbahaya untuk meletak atau menyimpan hasil.	Ladang : Pusat pengumpulan
	<b>10</b>	<b>PENGENDALIAN PASCA TUAI</b>	<b>PENGENDALIAN PASCA TUAI</b>	
	<b>10.1</b>	<b>Rawatan Pasca Tuai</b>	<b>Rawatan Pasca Tuai</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	10.1.1	Penggunaan kimia untuk rawatan pasca tuai perlu dikurangkan. Jika menggunakan bahan kimia, pengusaha mestilah mematuhi arahan pada label atau mengikut syor yang sedia ada	Periksa samada pengusaha meminimumkan penggunaan bahan kimia dalam pengendalian pasca tuai.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Tempat rawatan hasil
<b>WAJIB UTAMA</b>	10.1.2	Jika racun makhluk perosak digunakan ia hendaklah berdaftar di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974	Periksa samada pengusaha:  Menggunakan racun yang berdaftar di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan pengesyoran oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang : Tempat penyimpanan dan pengumpulan
<b>WAJIB UTAMA</b>	10.1.3	Bagi tanaman yang akan dieksport, pengusaha hendaklah menggunakan bahan kimia yang dibenarkan oleh negara pengimport.	Periksa samada pengusaha tidak menggunakan bahan kimia yang diharamkan atau tidak dibenarkan oleh negara pengimport.	Dokumen: 1. Rekod Ladang atau 2. Syarat-syarat RMP negara pengimport  Ladang : Tempat penyimpanan racun
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	10.1.4	Pengusaha perlu berhubung dengan pelanggan atau Negara pengimport bagi mendapatkan maklumat larangan tambahan.	Periksa samada pengusaha sentiasa berhubung dengan pelanggan atau agensi berkenaan jika terdapat halangan dagangan.	Dokumen: Bukti bertulis antara pengusaha dan pengimport.
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	10.1.5	Pengusaha tanaman perlu kompeten dan berpengetahuan dalam rawatan pasca tuai	Periksa samada pengusaha kompeten dalam rawatan pasca tuai.	Dokumen: 1. Rekod Ladang atau 2. Sijil (jika ada)  Ladang : Tempat rawatan hasil

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
WAJIB UTAMA	10.1.6	Rekod untuk rawatan pasca tuai hendaklah merangkumi maklumat berikut: a) nama tanaman b) lokasi c) tarikh rawatan d) justifikasi rawatan e) jenis rawatan f) bahan aktif, kepekatan dan/dos yang digunakan g) jangkamasa rawatan h) nama operator	Periksa samada pengusaha menyimpan rekod rawatan pasca tuai.	Dokumen: Rekod Ladang
	<b>10.2</b>	<b>Pembersihan Hasil Tanaman</b>	<b>Pembersihan Hasil Tanaman</b>	
DIGALAKKAN	10.2.1	Air bersih hendaklah digunakan untuk mencuci hasil jika berkenaan	Periksa samada pengusaha menggunakan air bersih untuk mencuci hasil jika berkenaan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat mencuci hasil
	<b>11</b>	<b>PEMBUNGKUSAN</b>	<b>PEMBUNGKUSAN</b>	
WAJIB UTAMA	11.1	Tempat pembungkusan dan penyimpanan hendaklah mempunyai langkah pengawalan perosak yang mencukupi terutamanya di kawasan pengendalian hasil, tempat penyimpanan pembungkus, tempat penyimpanan racun dan baja	Pastikan langkah kawalan perosak memadai	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: 1. Tempat pengendalian/ pengumpulan 2. Tempat penyimpanan
WAJIB BUKAN UTAMA	11.2	Bahan pembungkusan hendaklah disimpan bagi mengelakkan pencemaran fizikal, kimia dan perosak.	Pastikan samada pengusaha menyimpan bahan pembungkus bagi mengelakkan pencemaran fizikal, kimia dan perosak	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
WAJIB BUKAN UTAMA	11.3	Tempat pembungkusan, penyimpanan dan bahan pembungkus hendaklah dilindungi daripada serangga, tikus, burung dan haiwan lain.	Pastikan sama ada pengusaha mengawal perosak secara berterusan di tempat pembungkusan, penyimpanan dan bahan pembungkus.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: 1. Tempat penyimpanan 2. Tempat pembungkusan 3. Bahan pembungkus
DIGALAKKAN	11.4	Bekas pembungkus perlu dilabel dengan nombor pensijilan untuk memudahkan kebolehsanaan hasil daripada ladang mana ia dikeluarkan.	Pastikan samada pengusaha menggunakan nombor pensijilan myGAP pada label	Ladang: Bahan pembungkus
	<b>11.5</b>	<b>Stuktur dan Bangunan</b>		
DIGALAKKAN	11.5.1	Bangunan dan struktur yang digunakan untuk menanam, mengendali, dan menyimpan hasil diselenggara bagi mengurangkan risiko pencemaran.	Periksa samada pengusaha menyelenggara bangunan dan struktur yang digunakan untuk menanam, mengendali, dan menyimpan hasil bagi mengurangkan risiko pencemaran Contoh rumah pelindung hujan, rumah cendawan .	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Bangunan dan struktur
DIGALAKKAN	11.5.2	Gris, bahan api, minyak dan jentera ladang diasingkan daripada kawasan pengendalian, pembungkusan dan penyimpanan untuk mengelakkan pencemaran kepada hasil.	Periksa samada pengusaha mengasingkan gris, bahan api, minyak dan jentera ladang daripada kawasan pengendalian, pembungkusan dan penyimpanan untuk mengelakkan pencemaran kepada hasil.	Ladang: Bangunan dan struktur
DIGALAKKAN	11.5.3	Sistem kumbahan, pembuangan sisa dan perparitan dibina untuk mengurangkan risiko mencemarkan kepada kawasan pengeluaran dan bekalan air.	Periksa samada pengusaha menyediakan sistem kumbahan, pembuangan sisa dan perparitan untuk mengurangkan risiko mencemarkan kepada kawasan pengeluaran dan bekalan air.	Ladang: 1. Sistem kumbahan 2. Pembuangan sisa dan 3. Perparitan
DIGALAKKAN	11.5.4	Sekiranya lampu (mentol) di kawasan pembungkusan pecah dan serpihannya terkena hasil dan peralatan pembungkus, hasil tersebut hendaklah dilupuskan dan semua peralatan dan bahan pembungkus dibersihkan.	Periksa samada pengusaha i) Melupuskan hasil yang terdedah pada sisa pecahan mentol ii) Membersihkan kawasan, peralatan dan bahan pembungkus sekiranya mentol pecah di kawasan pembungkusan	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Bangunan dan struktur

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
DIGALAKKAN	11.5.5	Peralatan yang boleh mendatangkan risiko bahaya fizikal yang terletak di bangunan pengendalian hasil yang sama perlu diasingkan dengan jelas atau tidak beroperasi semasa proses pengendalian hasil.	Periksa samada pengusaha i) Mengasingkan dengan jelas peralatan yang boleh mendatangkan risiko bahaya fizikal yang terletak di bangunan pengendalian hasil semasa proses pengendalian hasil. ii) Memastikan peralatan tidak beroperasi semasa proses pengendalian hasil dijalankan di kawasan yang sama.	Ladang: Bangunan dan peralatan
	<b>11.6</b>	<b>Pembersihan dan sanitasi</b>	<b>Pembersihan dan sanitasi</b>	
DIGALAKKAN	11.6.1	Tempat pengendalian, pembungkusan dan penyimpanan, peralatan, bekas dan bahan-bahan yang boleh menjadi sumber pencemaran hasil dikenalpasti. Arahan pembersihan dan sanitasi disediakan dan dipatuhi.	Periksa samada pengusaha i) Mengenalpasti tempat pengendalian, pembungkusan dan penyimpanan serta peralatan, bekas dan bahan-bahan yang boleh menjadi sumber pencemaran hasil. ii) Menyediakan arahan pembersihan dan sanitasi.	Dokumen: Garis panduan kebersihan dan Sanitasi  Ladang: Arahan pembersihan dan Sanitasi
DIGALAKKAN	11.6.2	Bahan kimia untuk pembersihan dan sanitasi yang sesuai dipilih untuk mengurangkan risiko pencemaran bahan tersebut kepada hasil.	Periksa samada bahan kimia untuk pembersihan dan sanitasi yang digunakan kurang risiko pencemaran terhadap hasil.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat penyimpanan
DIGALAKKAN	11.6.3	Perangkap perosak yang dipasang diselenggara untuk mengurangkan risiko pencemaran kepada hasil dan bekas pembungkusan. Lokasi perangkap direkodkan.	Periksa samada pengusaha memasang, menyelenggara dan merekod lokasi perangkap perosak.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Lokasi perangkap
	<b>11.7</b>	<b>Tempat Penyimpanan dan Pengangkutan</b>	<b>Tempat Penyimpanan dan Pengangkutan</b>	
DIGALAKKAN	11.7.1	Hasil diletakkan pada kawasan yang sesuai (suhu yang rendah) di ladang jika aktiviti pengangkutan lambat dilaksanakan.	Periksa samada pengusaha menyimpan hasil pada suhu yang sesuai di ladang tersebut jika aktiviti pengangkutan lambat dilaksanakan.	Ladang: Tempat Pengumpulan
DIGALAKKAN	11.7.2	Kenderaan bertutup dan mempunyai suhu yang sesuai digunakan untuk mengangkut hasil bagi meminimalkan kehilangan kualiti	Periksa samada pengusaha menggunakan kenderaan bertutup dan mempunyai suhu yang sesuai untuk mengangkut hasil.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Kenderaan
DIGALAKKAN	11.7.3	Mencampurkan hasil yang boleh mendatangkan risiko kerosakan semasa pengangkutan perlu dielakkan.	Periksa samada pengusaha tidak mencampurkan hasil yang boleh mendatangkan risiko kerosakan semasa pengangkutan.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Kenderaan
DIGALAKKAN	11.7.4	Hasil dihantar dengan segera ke destinasi.	Periksa samada pengusaha menghantar hasil segera ke destinasi.	TIADA BUKTI
DIGALAKKAN	11.7.5	Hasil yang telah diletakkan di dalam bekas tidak boleh diletakkan secara terus di atas tanah dimana ia boleh memberi kesan kontaminasi.	Periksa samada pengusaha tidak meletakkan bekas berisi hasil secara terus di atas tanah.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat Pengumpulan
DIGALAKKAN	11.7.6	Palet diperiksa bagi memastikan ia bersih sebelum digunakan. Alas palet sekiranya terdapat tumpahan bahan kimia, bendasing dan jangkitan perosak. Jika mendatangkan risiko kontaminasi pada hasil, palet hendaklah dibuang.	Periksa samada pengusaha menggunakan palet atau peralatan lain (bakul, kanvas) yang bersih dan bersesuaian serta tidak mendatangkan kontaminasi pada hasil.	Ladang: Palet/peralatan lain
DIGALAKKAN	11.7.7	Kenderaan diperiksa sebelum diguna bagi memastikan ianya bersih daripada tumpahan bahan kimia, bendasing dan jangkitan perosak. Jika terdapat risiko kontaminasi pada hasil, kenderaan hendaklah dibersihkan.	Periksa samada pengusaha memastikan kenderaan bersih daripada tumpahan bahan kimia, bendasing dan jangkitan perosak sebelum digunakan.	Ladang: Kenderaan

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
DIGALAKKAN	11.7.8	Hasil disimpan dan diangkut berasingan dari barang-barang yang menjadi punca pencemaran kimia, biologi dan fizikal.	Periksa samada pengusaha mengangkut dan menyimpan hasil secara berasingan dari barang-barang yang menjadi punca pencemaran kimia, biologi dan fizikal.	Ladang: Kenderaan
	<b>11.8</b>	<b>Peralatan</b>	<b>Peralatan</b>	
DIGALAKKAN	11.8.1	Semua kenderaan, peralatan, jentera dan alat ganti disimpan dan diselenggara secara berkala bagi mengelakkan potensi bahaya kepada pengguna.	Periksa samada pengusaha menyimpan dan menyelenggara semua kenderaan, peralatan, jentera dan alat ganti	Ladang: Kenderaan dan peralatan
	<b>12</b>	<b>ANALISIS RESIDU RACUN MAKHLUK PEROSAK PADA HASIL</b>	<b>ANALISIS RESIDU RACUN MAKHLUK PEROSAK PADA HASIL</b>	
WAJIB UTAMA	12.1	Analisis residu racun perosak hendaklah dijalankan JIKA DIRAGUI.	TIADA POA	Ladang: Racun terhad dan racun Haram
WAJIB UTAMA	12.2	Pengusaha hendaklah membuktikan ia mempunyai keputusan analisis residu racun perosak	TIADA POA	Dokumen: Borang pengesahan pengambilan sampel
WAJIB UTAMA	12.3	Pengusaha dan lokasi ladang boleh dikesan melalui keputusan analisis	TIADA POA	
WAJIB UTAMA	12.4	Makmal bagi analisis residu telah diakreditasi	TIADA POA	
WAJIB UTAMA	12.5	Tindakan pembetulan hendaklah dijalankan jika terdapat kehadiran residu racun perosak terhad dan racun perosak haram	Periksa tindakan pembetulan telah diambil	Dokumen: Keputusan Analisis Sampel
	<b>13</b>	<b>PENGURUSAN SISA LADANG DAN PENCEMARAN</b>	<b>PENGURUSAN SISA LADANG DAN PENCEMARAN</b>	
WAJIB BUKAN UTAMA	13.1	Semua punca pencemaran dan sisa ladang perlu dikenal pasti di kawasan ladang dan sekitarnya.	TIADA	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat Pengumpulan
WAJIB BUKAN UTAMA	13.2	Tempat penyimpanan racun, baja dan bahan kimia pertanian yang lain tidak boleh terletak bersebelahan dengan sumber air.	Periksa tempat penyimpanan racun, baja dan bahan kimia pertanian tidak bersebelahan dengan sumber air.	Ladang: 1. Tempat penyimpanan 2. Sumber air
DIGALAKKAN	13.3	Pelan pengurusan pencemaran dan sisa perlu dibangunkan dan dilaksanakan bagi mengelakkan atau mengurangkan pembaziran dan pencemaran. Sisa tanaman wajar dikomposkan untuk memperbaiki tanah. Penanaman dan pembakaran sisa bukan organik hendaklah dielakkan.	Periksa samada pengusaha: 1.Menyedia dan melaksanakan pelan pengurusan pencemaran dan sisa . 2. Menjalankan aktiviti kompos sisa tanaman untuk memperbaiki tanah. 3.Mengelak penanaman dan pembakaran sisa bukan organik.	Ladang: 1. Tempat Pengumpulan 2. Tempat pembuatan kompos
DIGALAKKAN	13.4	Kawasan dan kemudahan untuk membuat kompos disediakan dan diselenggara untuk mengelakkan pencemaran daripada penyakit tanaman.	Periksa samada pengusaha menyelenggara kawasan dan kemudahan untuk membuat kompos.	Dokumen: Rekod Ladang  Ladang: Tempat Pembuatan Kompos
DIGALAKKAN	13.5	Penggunaan tenaga elektrik dan bahan api dikaji dan amalan operasi yang berkesan haruslah dikenalpasti dan digunakan.	TIADA	Dokumen: Bil Elektrik
DIGALAKKAN	13.6	Bau yang tidak menyenangkan, asap, habuk dan bunyi bising ditangani bagi meminimakan impak kepada kawasan kejiranan	TIADA	TIADA BUKTI
	<b>14</b>	<b>KEBAJIKAN PEKERJA</b>	<b>KEBAJIKAN PEKERJA</b>	
WAJIB UTAMA	14.1	Pengambilan pekerja hendaklah mematuhi peraturan dan syarat-syarat pihak berkuasa dan konvensyen pertubuhan buruh antarabangsa yang berkaitan.	Periksa pengusaha hanya mengambil pekerja mematuhi peraturan pihak berkuasa.	Dokumen: Rekod Ladang

TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
WAJIB BUKAN UTAMA	14.2	Pekerja yang bekerja di ladang hendaklah sihat dan diberi latihan asas kebersihan. Latihan hendaklah direkodkan	Periksa samada pengusaha: 1.Memastikan pekerja yang bekerja di ladang sihat. 2.Memberi latihan asas kebersihan kepada pekerja dan rekodkan.	Dokumen: Rekod Ladang
WAJIB BUKAN UTAMA	14.3	Keadaan selamat di ladang hendaklah diwujudkan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk memastikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.	Periksa samada pengusaha mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.	Dokumen: Garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerja  Ladang: Persekitaran Ladang
WAJIB BUKAN UTAMA	14.4	Peti kecemasan yang lengkap hendaklah sentiasa ada di tempat yang tetap dan bersesuaian di ladang.	Periksa samada pengusaha menyediakan peti kecemasan yang mengandungi peralatan/bahan bagi rawatan kecederaan luaran sahaja. Pastikan diletak pada tempat yang tetap dan bersesuaian di ladang dan mudah untuk diakses dan dipastikan belum tamat tempoh sah laku	Ladang: Peti Kecemasan yang lengkap
WAJIB BUKAN UTAMA	14.5	Tanda amaran yang sesuai hendaklah diletakkan di kawasan yang telah dikenalpasti merbahaya dan berisiko tinggi.	Periksa samada pengusaha meletakkan tanda amaran yang sesuai di kawasan yang telah dikenalpasti merbahaya dan berisiko tinggi.	Ladang: Tanda amaran
WAJIB BUKAN UTAMA	14.6	Prosedur kecemasan dan kemalangan yang jelas hendaklah disediakan dan dipamer di tempat kerja.	Periksa samada pengusaha menyedia dan mempamerkan prosedur kecemasan dan kemalangan yang jelas ditempat kerja.	Dokumen: Prosedur kecemasan dan kemalangan  Ladang: Prosedur dipamerkan
WAJIB BUKAN UTAMA	14.7	Pengusaha hendaklah menyediakan kemudahan asas kepada pekerja yang tinggal di ladang bersesuaian dengan peraturan pihak berkuasa.	Membuat semakan dan garis panduan minimum spesifikasi & pengurusan sisa tandas untuk pekerja di ladang( lokasi & risiko kepada tanaman)	Ladang: Kemudahan Asas (rumah pekerja,dapur yang sesuai, tandas, air yang bersih)
DIGALAKKAN	14.8	Pekerja baru dimaklumkan berkenaan dengan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	TIADA	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Prosedur keselamatan dan kesihatan pekerjaan
DIGALAKKAN	14.9	Manual pengendalian kerja selamat diamalkan bagi mengurangkan risiko kecederaan semasa pengendalian dan pemindahan objek berat .	Periksa samada pengusaha menyediakan manual pengendalian kerja selamat bagi mengurangkan risiko kecederaan semasa pengendalian dan pemindahan objek berat.	Dokumen: Manual pengendalian kerja selamat.
WAJIB BUKAN UTAMA	14.10	Latihan hendaklah diberikan kepada pekerja yang mengendalikan peralatan yang bahaya dan canggih.	Periksa samada pengusaha memberikan latihan kepada pekerja yang mengendalikan peralatan yang berbahaya dan canggih.	Dokumen: Rekod Ladang atau Sijil  Ladang: Jentera/ peralatan bahaya dan canggih
	<b>15</b>	<b>ISU ALAM SEKITAR</b>	<b>ISU ALAM SEKITAR</b>	
	<b>15.1</b>	<b>Impak Aktiviti Pertanian Terhadap Alam Sekitar</b>	<b>Impak Aktiviti Pertanian Terhadap Alam Sekitar</b>	
WAJIB BUKAN UTAMA	15.1	Pengusaha hendaklah mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Polisi Pembakaran Sifar ASEAN atau peraturan pihak berkuasa tempatan. Dalam kes-kes tertentu yang memerlukan pembakaran, pengusaha hendaklah menunjukkan bukti kebenaran dari pihak berkuasa yang berkaitan.	Periksa samada pengusaha menunjukkan bukti kebenaran dari pihak berkuasa jika pembakaran perlu dilaksanakan.	Dokumen Kebenaran daripada pihak berkuasa  Ladang: Aktiviti pembakaran



TAHAP	NOMOR ELEMEN	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING/AUDITOR	DOKUMEN / BUKTI
	15.2	<b>Pemuliharaan Biodiversiti dan Hidupan Liar</b>	<b>Pemuliharaan Biodiversiti dan Hidupan Liar</b>	
<b>WAJIB BUKAN UTAMA</b>	15.2	<p>Pengusaha tanaman perlu sentiasa prihatin terhadap pemuliharaan hidupan liar dan Biodiversiti yang merangkumi perkara-perkara berikut:</p> <p>a) Permohonan kepada Organisasi Pemuliharaan untuk menjalankan survei bagi menilai dan mengenalpasti biodiversiti dan perkara lain yang berkaitan.</p> <p>b) Mengambil langkah-langkah untuk mengelak dari merosakkan atau menjejaskan habitat.</p> <p>c) Digalakkan untuk menukar kawasan yang tidak produktif seperti paya, tanah gambut dalam, tebing curam kepada kawasan pemuliharaan semulajadi flora dan fauna.</p>	Periksa samada pengusaha menjadikan kawasan yang tidak produktif kepada kawasan pemuliharaan semulajadi flora dan fauna.	Ladang: Kawasan Pemuliharaan Flora dan Fauna
	<b>16</b>	<b>Aduan</b>	<b>Aduan</b>	
<b>WAJIB UTAMA</b>	16.1	Rekod aduan ketidakakuran terhadap keperluan pensijilan disimpan dan tindakan pembedahan hendaklah diambil.	Periksa samada pengusaha menyimpan dan mengambil tindakan jika perlu terhadap ketidakakuran yang diterima.	Dokumen: 1. Laporan Ketidakakuran & tindakan pembedahan 2. Laporan Pelanggaran Analisis Residue /Logam Berat
	<b>17</b>	<b>Prosedur Penarikbalikan</b>	<b>Prosedur Penarikbalikan</b>	
<b>WAJIB UTAMA</b>	17.1	Pengusaha hendaklah mewujudkan prosedur penarikbalikan hasil tanaman yang telah disijilkan di pasaran	Periksa samada pengusaha mewujudkan prosedur penarikbalikan hasil tanaman yang telah disijilkan di pasaran jika berlaku kes-kes yang melibatkan keselamatan makanan.	Dokumen: Prosedur penarikbalikan hasil tanaman.
<b>DIGALAKKAN</b>	17.2	Jika hasil berpotensi atau dikenalpasti tercemar, ianya perlu diasing dan jualan dihentikan. Jika telah dijual, pembeli atau orang tengah perlu dimaklumkan segera.	Periksa samada pengusaha: 1. Mengasing dan menghentikan jualan jika hasil berpotensi atau dikenalpasti tercemar. 2. Memaklumkan kepada pembeli atau orang tengah sekiranya hasil telah dijual.	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Notifikasi
<b>DIGALAKKAN</b>	17.3	Sebarang punca kontaminasi perlu disiasat, diambil tindakan pembedahan dan direkod bagi mengelakkan kejadian berulang.	Periksa samada pengusaha menyiasat sebarang punca kontaminasi, ambil tindakan pembedahan dan rekodkan.	Dokumen: Laporan siasatan dan pembedahan